

**INFRASTRUKTUR**

# Sistem perparitan, saluran perlu selaras pembangunan

**K**eperluan pemahaman dalam pengurusan dan penyelenggaraan sistem perparitan dan saluran Malaysia kini sudah banyak berubah ke arah lebih baik di mana banyak pembangunan dan kemajuan dicapai dalam pelbagai sektor.

Pada tahun 2012, Bank Negara Malaysia menyatakan bahawa perkembangan sektor perumahan negara dilihat sebagai satu komponen penting yang membantu dalam meningkatkan lagi taraf ekonomi negara. Malahan, dengan terdapatnya banyak pembangunan baru ia menarik minat banyak pelabur luar negara untuk melabur dalam sektor ini.

Dengan membangunkannya sektor perumahan, ia meningkatkan lagi keperluan terhadap kemudahan infrastruktur yang lebih teratur dan tersusun. Perancangan dalam menyediakan kemudahan infrastruktur dalam sesebuah kawasan perumahan sangat penting bagi memastikan kemudahan infrastruktur disediakan dapat memenuhi keperluan penduduk, seterusnya menjamin kesejahteraan hidup.

Hal ini selaras dasar pembangunan negara di mana dalam usaha mencapai Wawasan 2020 yang kini hanya tinggal beberapa tahun sahaja lagi, strategi pembangunan infrastruktur dan utiliti amat ditekankan.

Antara keperluan infrastruktur penting dalam sesebuah kawasan perumahan adalah sistem perparitan dan saluran. Ia juga adalah kemudahan infrastruktur yang perlu diambil berat dalam

memastikan keperluan dan kesejahteraan penduduk lebih terjamin.

## Masalah banjir kilat

Malaysia berusaha menyediakan keperluan infrastruktur untuk menjaga kepentingan masyarakat awam yang mana satu strategi dirangka dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMK-10) iaitu tumpuan akan diberikan kepada kecekapan dan produktiviti dalam penyediaan utiliti dan perkhidmatan awam kepada masyarakat.

Walaupun begitu, beberapa tahun kebelakangan ini, dapat dilihat berlaku banyak masalah banjir kilat di beberapa negeri. Pada Februari lalu, penduduk di Pontian, Johor menghadapi masalah sistem perparitan dan saluran yang tidak diselenggara dengan sempurna. Hal ini menyebabkan masalah banjir kilat yang berlarutan berlaku dan mengganggu aktiviti seharian penduduk.

Pada akhir tahun 2014 pula, penduduk Batu Pahat, Johor, akibat sistem perparitan dan saluran yang tidak diselenggara dengan sempurna menyebabkan air bertakung dan seterusnya menyebabkan banjir kilat yang berlarutan. Selain itu, masalah berkaitan sistem perparitan dan saluran juga berlaku di Kota Tinggi, Johor yang mana ia memerlukan pemantauan pihak bertanggungjawab bagi memastikan sistem perparitan dan saluran dapat diatasi dan dapat menjamin kesejahteraan masyarakat setempat.

Pada Oktober 2014, masalah

banjir kilat juga berlaku di Kajang, Selangor yang mana puncanya daripada sistem perparitan dan saluran yang lemah. Ia tidak diselenggara dengan sempurna dan menyebabkan masalah semakin berlarutan. Pada Jun 2013, masalah berkaitan sistem perparitan juga dibangkitkan di Felda Palong Satu di mana penduduk menyatakan bahawa sistem perparitan dan saluran di kawasan berkenaan tidak sempurna dan tiada kerja-kerja membaik pulih dijalankan.

Ini antara sebahagian masalah yang direkodkan, namun, masih banyak lagi lokasi yang mengalami perihai yang sama yang belum direkodkan secara khusus.

## Saliran tak sempurna

Oleh yang demikian, dapat dilihat bahawa banjir kilat yang sering berlaku adalah berpunca daripada sistem perparitan dan saluran yang tidak sempurna. Pihak bertanggungjawab perlu meningkatkan usaha mengatasi masalah sistem perparitan dan saluran. Perkara ini perlu diambil berat bagi memastikan ia selaras dengan keadaan pembangunan yang semakin pesat.

Tambahan lagi, kebanyakan kajian terdahulu banyak menyenut mengenai faktor yang menyebabkan berlakunya ban-

## FORUM

Pembaca yang ingin menyuarakan pandangan berhubung isu semasa boleh menghantar sumbangan menerusi e-mel: **bhforum@bh.com.my**.

mengenai kaedah pengurusan dan penyelenggaraan sistem perparitan dan saluran yang berkesan masih lagi kurang dibincangkan sedangkan ia adalah perkara penting yang perlu diambil berat dalam mengatasi masalah banjir kilat yang kerap berlaku ini.

Dalam usaha mengatasi masalah banjir kilat, perancangan dalam pengurusan dan penyelenggaraan sistem perparitan dan saluran adalah aspek penting yang perlu diambil berat pihak bertanggungjawab dan ia perlu dirangka dengan sempurna bagi



**Sistem perparitan** yang diselenggara dengan sempurna dapat membantu mengatasi masalah banjir kilat.

banjir kilat seperti pembangunan, perubahan cuaca dan pencemaran alam sekitar. Tetapi perbincangan dan penyelesaian

menyelak masalah sama berulang.

Walaupun pengurusan dan penyelenggaraan sistem perparitan dan saluran ini bukan punca utama bagi masalah banjir kilat tetapi dengan adanya pengurusan dan penyelenggaraan yang sempurna, ia akan dapat membantu pihak bertanggungjawab dan masyarakat awam mengatasi masalah banjir kilat yang sedang berlarutan. Maka fokus dan penekanan mengenai keberkesanan pengurusan dan penyelenggaraan sistem perparitan dan saluran amat diperlukan agar ia dapat membantu dalam mengatasi masalah tersebut.

**Sr Dr Eng Noorsidi Aizuddin Mat Noor dan Nurul Hidayah Abdullah**

Jabatan Harta Tanah, Fakulti Geoinformasi dan Harta Tanah, Universiti Teknologi Malaysia